



E-BULETIN ILKEM

EDISI 1/2021



PERUTUSAN PENGARAH ILKEM

Syukur Alhamdulillah,dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) ini, E-Buletin ILKEM Bil.1/2021 keluaran pertama ini dapat diteruskan. Semoga naskah ini dapat menjadi salah satu simpanan dalam merekodkan sejarah dan peristiwa untuk bacaan umum. Di sini dapat dikongsikan sedikit coretan peristiwa yang berlaku sepanjang bulan Oktober hingga Disember 2021.

Cadangan pewujudan Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM) bermula pada tahun 2005 bagi memantapkan lagi program latihan dan kesedaran (awareness programme) tentang keselamatan perlindungan khususnya kepada penjawat awam.

Objektif PLKPM ini adalah untuk menjadi pusat rujukan dan latihan keselamatan perlindungan utama kepada semua agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan meliputi keselamatan fizikal, dokumen dan personel.

Kerajaan pada tahun 2006 telah meluluskan pembinaan sebuah Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Fasa 1 dalam Rancangan Malaysia ke-9 dan lokasi pembinaannya diputuskan di Bandar Enstek, Negeri Sembilan bermula 02 November 2009 dan telah siap sepenuhnya pada Jun 2011.

Pusat Latihan Fasa 1 ini telah diserahkan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) pada 20 Jun 2011 dan Bahagian Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia, Bandar Enstek, Nilai pada 16 Ogos 2011.

Pada 01 Januari 2015, Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia telah menggunakan namanya secara rasmi.

Seterusnya untuk memantapkan lagi fungsi PLKPM, pembinaan PLPKM Fasa 2 telah bermula pada November 2016 dan siap pada 06 April 2021. PLKPM Fasa 2 ini terdiri daripada Blok Akademik, Blok Asrama Lelaki, Blok Asrama Wanita, surau, dewan makan dan padang kawad. Dengan adanya fasiliti dan kemudahan tersebut ,PLKPM akan menjadi pusat rujukan dan latihan yang terunggul dalam bidang keselamatan perlindungan di negara ini.

Sejajar dengan siapnya Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia ini, YBhg. Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah bersetuju dengan penjenamaan semula Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia kepada Institut Latihan Keselamatan Malaysia (ILKEM) pada 17 September 2021.Penjenamaan ini selaras dengan peranan pusat latihan CGSO untuk melahirkan pegawai bagi skim KP, pegawai awam dan sector swasta yang berprestasi tinggi serta kompeten dalam menghadapi isu dan cabaran semasa yang berkaitan dengan keselamatan perlindungan. Di samping itu, pihak pengurusan CGSO juga merancang untuk mengadakan kolaborasi dengan universiti-universiti Awam dan Swasta serta tenaga akademik yang berkepakaran dalam bidang keselamatan untuk mengembangkan bidang latihan ke tahap yang lebih tinggi.

Penjenamaan dan perancangan ini merupakan sebahagian daripada agenda transformasi CGSO untuk menjadikan jabatan ini sebagai peneraju unggul dan cemerlang dalam bidang Keselamatan Perlindungan.

Semoga keluaran E-Buletin ILKEM kali ini memberi banyak manfaat kepada semua penjawat awam dan pihak swasta serta pembaca dan sekaligus memantapkan keselamatan perlindungan.

Sekian,Wassalam.



SIDANG REDAKSI

E-Buletin ILKEM Bil.1/2021

PENAUNG

YBhg. Tuan Rahimi bin Ismail

PENASIHAT

YBrs. Puan Julaila binti Engan

KETUA PENGARANG

Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad

PEGAWAI PENYELARAS

Encik Shamsir bin Salleh
Puan Harafeah binti Harun

PEREKA GRAFIK

Encik Yuhaizan bin Yunus
Encik Muhammad Fikri bin Ramlan

KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL SIRI 1/2021

Berlangsung pada 06-07 Oktober 2021 secara dalam talian (Icewarp) disertai seramai 13 orang peserta dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan penceramah adalah dari Pegawai-pegawai CGSO.



KURSUS PROFESIONAL PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN SIRI 6/2021

Berlangsung pada 13-14 Oktober 2021 secara dalam talian (Icewarp) disertai seramai 21 orang peserta dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan penceramah adalah dari Pegawai-pegawai CGSO.



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19 DI JPM DAN PELBAGAI JABATAN

21 Oktober 2021 calon seramai 14 Orang , Pusat Peperiksaan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia, CGSO Labuan, CGSO Sawarak, CGSO Johor dan CGSO Kedah.



KURSUS INTEGRITI TAHUN 2021

Berlangsung pada 01-02 November 2021 secara bersemuka disertai seramai 21 orang peserta dari Pegawai-pegawai dan kakitangan CGSO.



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41 DI JPM DAN PELBAGAI JABATAN

09 November 2021 calon seramai 13 Orang , Pusat Peperiksaan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia



KURSUS PROTOKOL TAHUN 2021

Berlangsung pada 10 November 2021 secara bersemuka disertai seramai 30 orang peserta dari CGSO dari gred 22 dan ke atas .



Mesyuarat Pemantauan Pembaikan Kecacatan
Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) AbIL.3
08 Oktober 2021



Penerimaan Dan Pemasangan Perabot Baru
Di Bangunan Akademik Dan Asrama Pada
08 Oktober 2021



Mesyuarat Penyelarasan Institut Latihan Keselamatan
Perlindungan Malaysia (ILKEM) bersama
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Sembilan
12 Oktober 2021



Mesyuarat Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan
Tahun 2021 Serta Perancangan Sasaran Kerja
Tahun 2022 Bagi ILKEM Pada
13 Oktober 2021



**Mesyuarat dan Lawatan Tapak Pelan Pembangunan Rm 12
Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia**



**SESI KUNJUNGAN HORMAT YBRS. TUAN AHMAD SHAHARUDDIN BIN MUHAMMAD,
PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
KE ATAS YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI, DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**



3 NOVEMBER 2021.

Sesi Kunjungan Hormat diadakan di Pejabat YBhg. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban.

Sesi Kunjungan Hormat ini turut diiringi oleh Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM.

Kunjungan Hormat bertujuan mengeratkan hubungan dan kerjasama lebih strategik antara dua jabatan.

Sesi ini turut membincangkan isu Keselamatan Perlindungan dan Pengurusan Kursus di ILKEM.

9 NOVEMBER 2021.

YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan hadir ke Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) bagi menjalani sesi Temuduga Tapisan Keselamatan Halus. Beliau disambut oleh YBrs

Tuan Ahmad Shaharuddin Bin Muhammad Pengarah ILKEM dan diiringi Puan Salmah Binti Shahidan Pendaftar ILKEM. Tapisan Keselamatan adalah salah satu perkhidmatan yang diberikan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)



MAJLIS LIBAT URUS YBRS. TUAN RAHIMI BIN ISMAIL,
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA BERSAMA
PEGAWAI KADER SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (KP)
NEGERI SEMBILAN ANJURAN CGSO NEGERI SEMBILAN



26 OKTOBER 2021.

Majlis libat urus telah dianjurkan oleh CGSO Negeri Sembilan telah dihadiri YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan diiringi Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi) bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia, ILKEM. Majlis ini bertujuan agar pegawai kader dapat berkongsi dan memberikan pandangan berkenaan tugas di jabatan dan agensi masin-masing. Selain itu, pandangan berkaitan kebijakan pegawai kader turut mendapat perhatian pengurusan tertinggi CGSO.

**PENJENAMAAN PUSAT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA
KEPADА INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA
(ILKEM)**

Penjenamaan ini selaras dengan berdirinya fasa 2 ILKEM yang telah siap sepenuhnya pada 6 April 2021. Dilengkapi kemudahan dan peralatan yang baharu dan terkini, ILKEM telah menjadi peneraju utama bagi bidang Keselamatan Perlindungan Malaysia

